



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATIN SERI ROBA'AISHAH BINTI
MOHD GHAZALI
PENGERUSI PUSPANITA CAWANGAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SEMPENA
PROGRAM LAWATAN BERILMU KE
PUSAT PEMULIHAN PEMASYARAKATAN
KEM SYED SIRAJUDDIN, GEMAS,
NEGERI SEMBILAN**

7 APRIL 2018 (SABTU)

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLLAHI
WABARAKATUH.

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM NEGARAKU
MALAYSIA.

Yang Berusaha Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan
Pengerusi dan Pengerusi-Pengerusi
Cawangan Kecil PUSPANITA KDN;

Yang Berbahagia **Datin Sri Hajah Noraini
binti Haji Man**, Pengerusi PUSPANITA

Cawangan Kecil Jabatan Penjara Malaysia
selaku Pengerusi Biro Sukan dan
Pembangunan Lestari Hijau, PUSPANITA
Cawangan KDN, yang juga merangkap Yang
Dipertua PERSIAP Malaysia;

Yang Berusaha **Puan Hajah Jariah binti
Ismail**, Pengerusi BAKAT Gabungan Markas
Garison, Kem Syed Sirajuddin;

Yang Berusaha **Tuan Hafidz bin Othman**,
Pengarah Penjara Negeri Sembilan;

Yang Berusaha **Tuan Rosli bin Dollah**,
Pegawai Yang Menjaga, Pusat Pemulihan

Pemasyarakatan, Kem Syed Sirajuddin,
Gemas; serta

Barisan Jawatan Kuasa PUSPANITA
Cawangan KDN dan PERSIAP Malaysia.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

1. ALHAMDULILLAH. Setinggi-tinggi
kesyukuran dirafakkan kepada yang Maha
Berkuasa Allah SWT kerana dengan limpah
rahmat dan kuasaNya, kita dipertemukan
lagi pada hari yang penuh bermakna ini.

2. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia **Datin Sri Hajah Noraini binti Haji Man**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Penjara Malaysia yang juga merangkap Yang Dipertua PERSIAP Malaysia serta barisan Jawatan Kuasanya atas penganjuran **Program Lawatan Berilmu ke Pusat Pemulihan Pemasyarakatan, Kem Syed Sirajuddin, Gemas**, pada hari ini. Terima kasih juga kepada **Tuan Rosli bin Dollah**, Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan ini, kerana sudi menerima kedatangan kami pada hari ini.

Para hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

3. Tujuan utama program ini adalah untuk kita sama-sama memahami dan melihat sendiri usaha yang telah diilhamkan melalui inisiatif **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** dalam **Pelan Transformasi Kerajaan**. Seperti yang telah ditaklimatkan, program ini melibatkan dua buah kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan. Ia merupakan langkah bijak Kerajaan bagi **menjimatkan wang** untuk kos pembinaan penjara dan kos penyelenggaraan kem. Melalui program

pemulihan di Kem ini, Orang Yang Diselia didedahkan dengan projek pertanian dan perikanan agar mereka dapat berinteraksi dan **kembali kepada masyarakat** dengan lebih berkeyakinan dan penuh keinsafan.

4. Saya percaya melalui program ini, para peserta akan lebih memahami usaha-usaha murni yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan rakyat di negara kita terus hidup dalam keadaan aman dan makmur. Bagi Orang Yang Diselia pula, tentunya peluang kedua yang diberikan ini amat bermakna terutamanya bagi keluarga yang menunggu di luar sana.

Semoga peluang yang diberikan kepada mereka itu akan digunakan sebaik mungkin untuk diri mereka sendiri bagi persediaan apabila keluar nanti. Kepada masyarakat, berikanlah sokongan dengan menerima mereka seadanya.

5. Sebelum mengundur diri, saya bagi pihak PUSPANITA Cawangan KDN mendoakan semoga semua warga kerja Pusat Pemulihan Pemasarakatan, Kem Syed Sirajuddin diberi kesejahteraan dan kesihatan yang baik oleh Allah SWT dalam menggalas tugas dan amanah murni yang dipertanggungjawabkan.

Orang haji dari Jeddah,
Buah kurma berlambak-lambak,
Pekerjaan tuan bukanlah mudah,
Bagai kerja menolak ombak.

6. Akhir kata, tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Ahli Jawatan Kuasa PUSPANITA KDN dan PERSIAP yang telah menganjurkan program pada hari ini. Saya akhiri ucapan ini dengan dua rangkap pantun buat renungan kita bersama:

Pinang muda dibelah dua,
Anak burung mati dirangghah,
Dari muda sampai ke tua,
Ajaran mulia jangan diubah.

Buah pelaga makan dikikir,
Makan dahulu buah berangan,
Sebarang kerja hendak difikir,
Kalau dibuat menyesal jangan.

Sekian, terima kasih.

WABILLHAHHITAUFIK WALHIDAYAH.

WASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAH

HIWABARATUH.